



مجالس بنداراي فتاليڠ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (47)

Tarikh: 3 Oktober 2023

ISU PIHAK KONTRAKTOR LUAR MENGENAKAN CAJ BAYARAN UNTUK PENURAPAN JALAN DI LALUAN KELUAR MASUK RUMAH (*ENTRANCE*).

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima aduan daripada penduduk berkaitan isu pihak kontraktor luar mengenakan caj bayaran untuk penurapan jalan di laluan keluar masuk rumah.

Majlis ingin menjelaskan bahawa perkara tersebut melibatkan pihak kontraktor luar dan bukan melibatkan pihak kontraktor lantikan Majlis. Pihak Majlis juga ingin menegaskan bahawa tiada sebarang caj atau bayaran dikenakan kepada pemilik rumah bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh MBPJ.

Untuk makluman, sebelum kerja-kerja penurapan jalan dilaksanakan, satu notis pemakluman akan dikeluarkan oleh pihak Majlis dan akan diedarkan kepada semua penduduk yang terlibat. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam notis penurapan jalan yang dikeluarkan oleh Majlis **diperkara 3 (3.1)** yang menjelaskan "**Dengan itu, tuan/puan adalah dinasihatkan supaya tidak memberi sebarang bayaran kepada sesiapapun yang mengambil kesempatan ini untuk menawarkan perkhidmatan mereka menurap jalan masuk ke rumah (house entrance) di hadapan rumah kediamaan tuan/puan. Untuk makluman jalan masuk ke rumah (house entrance) akan diturap secara percuma oleh Majlis.**"

Namun sekiranya ada pihak yang tidak bertanggung jawab menggunakan nama Majlis untuk meminta sebarang bayaran terhadap kerja-kerja penurapan tersebut, Majlis menasihatkan agar penduduk/pemilik rumah untuk



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



membuat laporan polis serta memaklumkan perkara ini kepada unit aduan MBPJ di talian hotline MBPJ 03-7954 2020 atau emelkan kepada aduan@mbpj.gov.my untuk tindakan selanjutnya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجالس بنداراي فتالیغ جایا MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (49)

Tarikh: 4 Oktober 2023

KESALAHAN MENGECHAT PETAK SEWA KHAS TANPA KEBENARAN.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima aduan berkenaan **empat (4) syarikat yang telah melakukan kesalahan mengechat petak khas tanpa kebenaran majlis.**

Majlis telah pun mengambil tindakan mengeluarkan **notis penjelasan mengapa lesen tidak sepatut dibatalkan dengan memberikan tempoh tujuh (7) hari** untuk pihak syarikat tersebut mengemukakan maklum balas dan tempoh notis tersebut telah pun tamat pada 29 September 2023 lalu.

Sepanjang tempoh notis tersebut dikeluarkan, Majlis hanya **menerima maklum balas daripada tiga (3) syarikat sahaja manakala satu (1) lagi syarikat tidak mengemukakan sebarang maklum balas kepada pihak Majlis.**

Justeru, Majlis telah mengambil tindakan **pembatalan lesen kepada satu (1) syarikat yang tidak mengemukakan maklum balas manakala bagi tiga (3) syarikat lagi, pertimbangan status lesen akan dibuat oleh pegawai pelesen MBPJ.**

Semua pemilik premis perniagaan yang mempunyai petak khas yang sah dinasihatkan agar tidak mengecat sendiri kotak tempat letak kereta tersebut kerana Majlis mempunyai rekod tentang tempat letak kereta yang sah. Jika didapati bersalah memalsukan kotak tempat letak kereta ini boleh dikenakan tindakan seperti lesen perniagaan dibatalkan.

Bagi mereka yang mengecat lot tempat letak kereta kerana ingin mengelirukan pengguna lain supaya tidak meletakkan kereta di hadapan



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



@picitycouncil



premis mereka, perkara tersebut turut dianggap kesalahan serius dan tindakan tegas juga boleh dikenakan kepada mereka.

Sehubungan itu, MBPJ menggesa orang awam khasnya kalangan peniaga agar mematuhi peraturan yang ditetapkan serta tidak menyalahgunakan lot tempat letak kereta di premis mereka bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (48)

Tarikh: 4 Oktober 2023

TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEMILIK RUMAH KOSONG DAN LOT PERSENDIRIAN TERBIAR DI KAWASAN PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sering menerima aduan berhubung dengan pemilik rumah kosong dan pemilik lot tanah terbiar yang tidak diselenggara dengan baik oleh pemiliknya. Pada tahun 2022 sebanyak 320 aduan telah diterima oleh Majlis manakala sehingga September 2023 pula sebanyak 244 aduan telah direkodkan melalui sistem aduan MBPJ.

Majlis akan bertindak menyelesaikan aduan-aduan ini agar tidak berulang dan menyebabkan kacauganggu yang boleh memudaratkan penduduk setempat terutama dari segi kesihatan awam serta ancaman keselamatan seperti kehadiran haiwan berbisa dan pemberian jentik-jentik.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah menjalankan pelbagai tindakan penguatkuasaan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1999) bagi mengatasi isu semak samun dan rumah kotor di Petaling Jaya. Pihak Majlis turut mengeluarkan notis pembersihan di bawah seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang meminta pemilik untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam tempoh notis yang diberikan. Sekiranya pemilik gagal atau enggan mematuhi notis tersebut, maka tindakan kompaun boleh dikenakan dengan nilai tidak lebih daripada satu ribu ringgit (RM 1,000.00). Dimaklumkan juga, pihak Majlis akan melakukan kerja-kerja pembersihan di tanah tersebut sekiranya tiada tindakan daripada pemilik dan segala caj perkhidmatan akan dibilang kepada pemilik.

Tindakan perundangan juga diambil bagi kesalahan berulang dan pada tahun 2022, sebanyak 7 kes telah didaftarkan ke mahkamah dan pada tahun 2023 sebanyak 3 kes. Bagi pemilik yang disabit kesalahan di mahkamah, pemilik boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit (RM 1,000.00) atau

enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Pihak Majlis juga memasukkan kaveat pendaftar terhadap sesuatu lot sekiranya pemilik mempunyai tunggakan dan sehingga kini, sebanyak 35 harta telah dimasukkan ke dalam kaveat pendaftar.

Sehingga bulan September 2023, data yang telah dikemaskini mendapati sebanyak 423 pemilik rumah dan lot terbiar mempunyai tunggakan caj pemotongan bil rumput panjang. Bagi pemilik yang masih mempunyai tunggakan bil pemotongan rumput, pihak Majlis juga sedang mengambil tindakan tuntutan sivil bagi menuntut tunggakan bil-bil tersebut.

Mengambilkira kekangan yang dihadapi, pihak Majlis kini telah menjalankan inisiatif berkenaan tunggakan bil rumput panjang ini dengan cara mengaktifkan “*popup message*” kepada pemilik akaun yang mempunyai tunggakan bil potong rumput panjang. Dengan cara ini, pemilik akan mendapat maklumat berkenaan tunggakan lampau dan membuat semakan secara fizikal di kaunter dan seterusnya mengemaskini maklumat terkini berkenaan pemilikan tanah.

Majlis menggesa kepada pemilik-pemilik rumah kosong dan lot terbiar diminta untuk memastikan kawasan lot mereka sentiasa bersih dan diselenggara dengan baik agar tidak menjadi kacauganggu kepada penduduk setempat. Pemilik juga dinasihatkan untuk membuat semakan berkenaan tunggakan dan melunaskan bil tunggakan sedia ada. Bagi sebarang pertanyaan dan semakan, sila rujuk Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran, di Tingkat 9 Menara MBPJ.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (50)

Tarikh: 19 Oktober 2023

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DIANTARA RENEUCO RE SDN BHD. DENGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) dan SYARIKAT RENEUCO RE SDN BHD hari ini telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tujuan MOU ini ditandatangani adalah bagi pemasangan sistem solar panel fotovoltaik di bangunan Pusat Inovasi MBPJ di bawah kategori Net Energy Metering (nem) Gomen, untuk mencapai sasaran kecekapan penggunaan tenaga, selari dengan hasrat Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar rendah karbon di bawah blueprint PJSSR 2030. Ia juga bertepatan dengan hasrat kerajaan Malaysia dalam menggalakkan penggunaan tenaga yang efisyen di bawah objektif Dasar Tenaga Negara 2021-2040.

Dalam masa sama, perkongsian Teknologi Tenaga Lestari yang akan dibangunkan ini merupakan antara sasaran yang ditetapkan oleh Majlis menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Bebas Karbon menjelang 2030.

Pihak RENEUCO RE SDN. BHD akan membantu MBPJ dan berkongsi teknologi dalam memantau penggunaan tenaga dengan menggunakan tenaga boleh diperbaharui (solar) di Bangunan Pusat Inovasi serta penyediaan laporan terperinci secara berkala untuk tujuan pemantauan dan mendapatkan data penggunaan tenaga.

Pihak RENEUCO RE SDN. BHD akan berkolaborasi bersama MBPJ dalam pembangunan modal insan dan perkongsian maklumat kepada kakitangan MBPJ berkaitan tenaga solar dari semua aspek yang diperlukan. Ini merupakan Projek Perintis MBPJ untuk pemasangan solar panel secara sifar perbelanjaan modal (zero CAPEX) pada bangunan Majlis. Projek Pemasangan Solar ini juga merupakan salah satu skop dalam Program Pengurusan dan Kecekapan Tenaga di bawah Renewable Energy (RE) yang mana dapat membantu bangunan-bangunan MBPJ untuk mencapai ke arah bangunan “zero energy building”.

Komitmen kerjasama ini bukan saja mampu memberikan kelebihan dalam pelbagai aspek seperti penyediaan teknologi tenaga boleh diperbaharui (solar), perkongsian data, penjimatan dari segi pembayaran bil, pengurangan penggunaan tenaga di bangunan MBPJ dan secara tidak langsung membantu agenda Negara dalam konteks pengeluaran karbon.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (51)

Tarikh: 26 Oktober 2023

MAJLIS PELANCARAN CETAKAN LESEN DI KIOS-KIOS MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Pada tahun 2023 terdapat **34,430 peniaga** yang telah berlesen di Petaling Jaya. Pemegang lesen ini terdiri daripada **29,064 pemegang lesen tred perniagaan**, dan **5,276 pemegang lesen usahawan mikro**.

Pihak Majlis telah mengeluarkan sebanyak 34,430 notis pembaharuan lesen tahun 2024 mulai September 2023. Mulai tahun 2020, pihak Majlis telah memudahkan proses permohonan lesen, pembaharuan lesen, cetakan notis dan cetakan lesen secara dalam talian melalui pautan www.elesen.mbpj.gov.my.

Sehingga Oktober tahun 2023, hasil daripada analisa mendapati terdapat peningkatan pada bilangan penggunaan pembayaran lesen secara atas talian iaitu sebanyak **6,474 transaksi** pada tahun 2021, **9,342 transaksi** pada tahun 2022 dan **11,788 transaksi** pada tahun 2023. Bilangan penggunaan kaedah pembayaran lesen secara dalam talian ini telah meningkat sebanyak **67.5%** sekiranya dibandingkan dengan tahun 2021. Ini membuktikan kaedah dalam talian ini menjadi pilihan utama kepada pemegang lesen berbanding dengan penggunaan kaunter.

Selaras dengan penggunaan IOT yang meluas, Majlis telah mengorak langkah sekali lagi dengan menambah inisiatif baru iaitu kemudahan mencetak lesen di kios-kios Majlis. Inisiatif ini memberi kemudahan kepada 21,370 pemegang lesen tred perniagaan dan perindustrian bagi kategori Serta Merta, Kritikal yang tidak melibatkan pembaharuan Kebenaran Merancang. Majlis telah menempatkan sebanyak 8 kios di lokasi seperti berikut :

1. Lobi Ibu pejabat MBPJ
2. Lobi Menara MBPJ
3. Kaunter Pandu lalu
4. Lobi Pejabat Cawangan Kota damansara
5. Pasar jalan Othman, Petaling jaya
6. Pasar Taman Megah
7. Pasar PJKita SD5
8. Gerai Makan SS22 Atria.

Berikut adalah kemudahan dan waktu operasi kios-kios MBPJ :

1. Bayaran cukai taksiran MBPJ
2. Bayaran Kompaun MBPJ
3. Bayaran tempahan dewan MBPJ
4. Bayaran bil pelbagai MBPJ
5. Bayaran Sewa MBPJ Bayaran Lesen MBPJ dan
- 6. Cetakan Lesen MBPJ**

LOKASI	HARI	WAKTU
Lobi Ibu Pejabat MBPJ	Isnin – Ahad	7.30 Pagi – 9.00 Malam
Lobi Menara MBPJ	Isnin – Ahad	7.30 Pagi – 9.00 Malam
Kaunter Pandu lalu	Isnin – Jumaat	8.00 Pagi – 4.00 Petang
Lobi Pejabat Cawangan Kota damansara	Isnin – Jumaat	8.00 Pagi – 4.00 Petang
Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya	Isnin – Ahad	7.30 Pagi – 9.00 Malam
Pasar Taman Megah	Isnin – Ahad	7.30 Pagi – 9.00 Malam
Pasar PJKita SD5	Isnin – Ahad	7.30 Pagi – 9.00 Malam
Gerai Makan SS22 Atria.	Isnin – Ahad	7.30 Pagi – 9.00 Malam

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (52)

Tarikh: 29 Oktober 2023

PROGRAM MESRA RAKYAT PERKUKUH KERJASAMA MBPJ DENGAN PENDUDUK SETEMPAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Program Mesra Rakyat Dewan Negeri (DUN) Kota Damansara bertempat di Padang Seksyen 7, Kota Damansara pada ahad 29 Oktober 2023.

Program ini merupakan tanggungjawab dan keprihatinan Majlis untuk mewujudkan hubungan kejiranan yang harmoni selain memberi manfaat kepada penduduk di kawasan berkenaan selaras dengan hala tuju Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan. Ia juga dapat mengeratkan silaturahim antara jiran blok perumahan supaya mereka mengenali antara satu sama lain dan akhirnya mengikatkan ukhwah persahabatan lebih erat.

Disamping itu, program mesra rakyat ini juga akan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada komuniti setempat berkaitan inisiatif, program dan produk yang disediakan oleh Majlis dan juga Kerajaan Negeri Selangor melalui aktiviti pameran yang disediakan.

Secara tidak langsung, program seumpama ini dapat menjalinkan kerjasama dan hubungan dua hala di antara pemimpin masyarakat dan penduduk setempat dengan pihak Majlis serta sebagai salah satu sumbangan khidmat sosial pihak Majlis kepada komuniti.

Pada masa sama, kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta akan dapat diperkuuhkan lagi melalui pendekatan yang lebih dinamik disamping dapat membantu komuniti setempat memperoleh manfaat daripada perkongsian kerjasama ini. Majlis juga berharap program sama akan diteruskan pada masa hadapan.

Antara pengisian program mesra rakyat kali ini ialah pameran oleh jabatan dalam MBPJ, NGO dan agensi luar, pemeriksaan kesihatan, pertandingan bola jaring 3 on 3, futsal remaja lelaki, woodball lelaki, fun walk, pertandingan mewarna (kategori 4-6 tahun, 7-9 tahun & 10-12 tahun), persempahan kabadi & seni silat, sukaneka dan juga cabutan bertuah.

Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Negeri Kota Damansara, YB Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim. Hadir sama, ahli majlis zon 3 MBPJ, Tang Fuie Koh dan Timbalan Setiausaha Pengurusan MBPJ, Mohd Fauzi bin Maarop.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.